

# Perkembangan Awal Pluralisme Agama Di Malaysia

EARNIE ELMIE HILMI<sup>1</sup>, KAMARUDIN SALLEH<sup>2</sup> & NUR FARHANA ABDUL RAHMAN<sup>3</sup>

## Abstrak

Perkembangan pluralisme agama di Malaysia bermula apabila unsur-unsur liberalisme mula meresap masuk ke dalam pemikiran masyarakat. Gerakan liberalisme di Indonesia merupakan faktor penting dalam perkembangan liberalisme dan pluralisme di Malaysia. Artikel ini akan menyentuh mengenai perkembangan awal pluralisme agama di Malaysia. Definisi pluralisme agama dari tokoh-tokoh di Malaysia akan dihuraikan selain daripada faktor-faktor penyebaran, golongan pluralisme agama, fatwa-fatwa tentang pluralisme agama dan isu-isu pluralisme agama yang muncul di Malaysia. Kajian kualitatif telah digunakan untuk mengkaji perkembangan awal pluralisme agama di Malaysia.

## Pengenalan

Pluralisme agama di Malaysia muncul dari gerakan liberalisme Indonesia. Menurut Mohammad Ariffin (2006) dan Ahmad Yumni dan Mohd Fairuz (2014), gerakan liberalisme di Malaysia tidak memakai perkataan 'liberal' di nama pertubuhan-pertubuhan seperti gerakan liberalisme Indonesia. Gerakan liberalisme di Indonesia secara terang-terangan menggunakan perkataan liberal pada pertubuhan-pertubuhan masing-masing seperti Jaringan Islam Liberal (JIL).

Menurut Muhammad Rashidi Wahab (2017), unsur-unsur liberalisme meresapi masuk dalam masyarakat di Malaysia apabila slogan 'dialog antara agama' dipelopori oleh Malaysian Consultative Council of Buddhism, Christianity, Hinduism and Sikhs (MCCBCHS) atau Majlis Perundingan Malaysia Agama Budha, Kristian, Hindu dan Sikh yang ditubuhkan pada 1983 dan Christian Federation of Malaysia (CFM) ditubuhkan pada tahun 1985. Menurut beliau lagi, Institut Kajian Dasar (IKD) turut ditubuhkan pada tahun 1985 yang bertujuan untuk melahirkan kebangkitan kebudayaan, pembentukan masyarakat madani dan mempromosi interaksi antara negara-negara Asia Tenggara dan di luarnya. Manakala Sister in Islam (SIS) pula ditubuhkan pada tahun 1988 (didaftarkan pada 1993) bagi memperjuangkan isu-isu wanita Islam.

Pertubuhan-pertubuhan ini turut menyumbang kepada perkembangan pluralisme agama di Malaysia. Sebagai contoh, Malaysian Consultative Council of Buddhism, Christianity, Hinduism and Sikhs (MCCBCHS) atau Majlis Perundingan Malaysia Agama Budha, Kristian, Hindu dan Sikh telah menaja penubuhan InterFaith Commision (IFC) dan juga menganggotai Kumpulan Artikel 11. Manakala SIS dapat dilihat dalam sokongannya kepada perancangan penubuhan IFC, Artikel 11, Comango dan juga isu mengenai Mahkamah Syariah. Manakala Institut Kajian Dasar menyokong gerakan Islam liberal dengan menganjurkan program-program yang menyokong gerakan liberal dan pluralisme agama.

Isu pluralisme agama menjadi bertambah hangat dalam perbincangan sarjana apabila Dato' Sri Anwar Ibrahim telah menyampaikan ceramahnya yang dibentangkan di London school of Economics pada 18 Mac 2010 yang bertajuk 'Religion Pluralism in a divided world'. Ceramah beliau ini telah menggemparkan masyarakat Malaysia kerana didakwa beliau telah mendokong fahaman pluralisme agama. Ramai cendekiawan dan ahli politik telah memberi respon terhadap ucapan beliau antaranya ialah Muhammad Uthman el-Muhamady, Ismail Mina Ahmad dan Mohd Nakhaie Ahmad.

---

<sup>1</sup> Pusat Akidah dan Keamanan Global, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Email: earnie76@yahoo.com,

<sup>2</sup> Prof. Madya (Ph.D), Pusat Akidah dan Keamanan Global, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Email: dins@ukm.edu.my

<sup>3</sup> Pensyarah Kanan (Ph.D), Pusat Akidah dan Keamanan Global, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Email: nfarhana@ukm.edu.my

Isu pluralisme agama masih berterusan sehingga kini, kerana isu-isu dalam pluralisme agama masih diperdebatkan seperti isu mengenai kebebasan agama. Isu kebebasan agama sering dilaungkan oleh pendokong-pendokong hak asasi manusia seperti SIS, COMANGO dan lain-lain. COMANGO akan mengemukakan laporannya pada November 2018 akan datang ke proses Semakan Berkala Sejahtera Majlis Hak Asasi Manusia di bawah PBB. Isu-isu kontroversi pada laporannya tahun 2013 masih wujud dengan penambahan isu-isu terkini. Laporan ini telah dilancarkan pada Jun 2018 baru-baru ini di 'facebook live' kumpulan ini.

### Definisi Pluralisme Agama

Pelbagai definisi telah diberikan oleh sarjana sama ada dari luar negara mahupun dari dalam negara. Untuk tujuan ini, definisi dari tokoh-tokoh di Malaysia akan dipilih untuk menepati ruanglingkup kajian. Chandra Muzaffar (2006) mendefinisikan pluralisme agama sebagai kepelbagaian agama. Manakala Osman Bakar (2006) menerima pluralisme sebagai dialog antara agama. Beliau juga telah memperkenalkan konsep pluralisme Islam (*Islamic pluralism*).

Pada tahun 2010, Anwar Ibrahim telah menyampaikan ceramahnya di London School of Economics pada 18 Mac di bawah tajuk 'Religion Pluralism in a divided world'. Dalam ceramahnya beliau mendefinisikan pluralisme agama dalam erti menerima kebenaran agama lain seperti Hashim Kamali (2011) dalam penulisannya di News Straits Times iaitu 'Islam's religious pluralism in context'.

Muhammad Uthman El-Muhammady (2012), Mohd Farid Mohd Sharif (2012), Mujahid Yusof Rawa (2014), Mohd. Asri Zainul Abidin (2014), Mohd Farid Mohd Shahrhan (2014) dan Siddiq Fadzil (2016) menerima pluralisme agama dalam maksud kepelbagaian agama dan menolak fahaman menyamaratakan semua agama.

Wan Adli Wan Ramli (2012), Anis Malik Thoha (2014), dan Khalif Muammar (2015) menolak definisi pluralisme agama dalam maksud toleransi agama, dialog antara agama dan kepelbagaian agama. Bagi mereka pluralisme agama itu bermaksud satu kefahaman yang memandang semua agama adalah sama dan menuju kepada Tuhan yang sama.

Definisi-definisi ini merupakan antara definisi yang diberikan oleh sarjana-sarjana di Malaysia mengenai pluralisme agama. Hasilnya dapat dilihat bahawa terdapat kelompok sarjana yang memahami pluralisme agama dalam erti kebebasan agama, menerima keabsahan agama lain, kepelbagaian agama dan juga dialog antara agama. Definisi ini yang mencorakkan pemikiran sarjana-sarjana mengenai pandangan mereka terhadap konsep pluralisme agama.

### Faktor-Faktor Penyebaran Pluralisme Agama

Menurut Latifah Majid et al (2012), faktor-faktor tersebarnya fahaman inklusifisme (pluralisme agama) di Malaysia, antaranya ialah melalui:

1. Penyebaran melalui buku-buku

Terdapat beberapa buah buku yang diterbitkan dan diharamkan untuk dijual dan disebar seperti buku *Refleksi Pembaharuan Pemikiran Islam 70 tahun Harun Nasution* (1989), *Fiqh perempuan* (2001), *Fiqh Lintas Agama: Membangun masyarakat inklusif pluralis* (2004), *Islam dan Pluralisme* (2006) dan lain-lain.

2. Penyebaran melalui majalah

Menurut Mohammad Ariffin (2006), penyebaran juga berlaku melalui majalah. Sebagai contoh Ulil Absar Abdallah dalam *Majalah Gatra* 21 Disember 2002 menyatakan bahawa: "Semua agama adalah sama. Semuanya menuju jalan kebenaran. Jadi, Islam bukan agama yang paling benar". Manakala dalam

majalah *Kompas* (18 November 2002) di bawah tajuk 'Menyegarkan Kembali Pemahaman Islam' Ulil Absar menyatakan bahawa:

"Dengan tanpa rasa segan dan malu saya mengatakan bahwa semua agama adalah tepat berada pada jalan seperti itu, jalan panjang menuju Yang Maha Benar. Semua agama, dengan demikian, adalah benar, dengan variasi, tingkat dan kadar kedalaman yang berbeza-beza dalam menghayati jalan keagamaan itu. Semua agama ada dalam satu keluarga besar yang sama: yaitu keluarga pencinta jalan menuju kebenaran yang tak pernah ada hujungnya.

3. Penyebaran melalui laman sesawang internet.

Penyebaran melalui laman sesawang internet ini boleh dilihat melalui laman web [Http://islamlib.com](http://islamlib.com) dan email [islib@yahoo.com](mailto:islib@yahoo.com). Melalui email dan laman web ini, mereka menyediakan ruangan artikel, soal-jawab, perbincangan dan sebagainya.

4. Penyebaran melalui kursus kepimpinan dan pengurusan Emotional Spiritual Quotion<sup>4</sup> (ESQ).

ESQ adalah sebuah kursus kepimpinan dan pengurusan yang diasaskan oleh Ary Ginanjar Agustian di bawah syarikat ESQ Leadership Centre berpusat di Jakarta. Kursus ESQ ini telah tersebar di Malaysia melalui penubuhan beberapa pusat.

5. Penyebaran melalui medium filem

Penyebaran melalui medium filem dapat dilihat dalam dua buah filem arahan Yasmin Ahmad iaitu *Sepet* dan *Gubra*. Dalam filem *Sepet*, unsur pluralisme agama yang timbul ialah wujudnya babak percintaan dwi-agama. Manakala dalam *Gubra* wujudnya babak akhir yang mana wujudnya kisah munajat doa seorang bekas pelacur berganti dengan telekung, disusuli selepas itu watak sembahyang di gereja dan kemudiannya upacara sembahyang di tokong. Perkara ini juga turut dipersetujui oleh Faisal Tehrani (2009) yang mengatakan bahawa babak akhir ini ialah agenda *inter-faith* ala John Hick yang mana mesej halusnya ialah untuk menunjukkan semua agama menawarkan kebenaran, keselamatan, kesejahteraan dan kasih sayang.

---

<sup>4</sup> Pada 16 Jun 2010 Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal agama Islam Malaysia telah berbincang mengenai kedudukan kursus ESQ *Leadership Training* dan muzakarah telah memutuskan seperti berikut (Jawatankuasa Kebajikan Islam Malaysia 2016: 32-33):

1. Setelah meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan oleh ahli-ahli serta rumusan awal yang telah dibuat pada Muzakarah Khas pada 14 April 2010, Muzakarah berpandangan bahawa kebanyakan unsur-unsur keraguan yang terkandung dalam kursus ESQ *Leadership Training* boleh diperbetul dan diperjelaskan.
2. Muzakarah bersetuju memutuskan supaya pihak ESQ membuat perubahan dan memperbetulkan dengan segera fakta-fakta, kenyataan atau apa jua aktiviti/perlakuan yang menimbulkan keraguan kepada masyarakat.
3. Muzakarah juga bersetuju membuat ketetapan bahawa Panel Syariah ESQ perlu bertanggungjawab dan memantau sepenuhnya pembetulan atau pindaan yang dibuat dan pelaksanaan tindakan tersebut hendaklah dilaporkan secara berterusan kepada Muzakarah. Sehubungan itu, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa Kursus ESQ *Leadership Training* boleh dilaksanakan di Malaysia dengan pengawasan sepenuhnya oleh Panel Syariah yang dilantik oleh ESQ.

6. Penyebaran melalui Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO)

Penyebaran melalui Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) boleh dilihat melalui Malaysian Interfaith Network (MIN). MIN mempunyai 20 badan gabungan termasuk Konrad Adenauer Foundation (KAF), Institut Kajian Dasar (IKD), Sister in Islam (SIS), Malaysian Consultative Council of Buddhism, Christianity, Hinduism and Sikhs (MCCBCHS)<sup>5</sup>, Council of Churches of Malaysia, Rotary Club dan lain-lain.

Melalui faktor-faktor penyebaran ini, dapat di buat kesimpulan bahawa gerakan liberalisme di Indonesia memainkan peranan penting dalam penyebaran liberalisme dan juga pluralisme di Malaysia. Beberapa buah buku terbitan beberapa orang tokoh liberal Indonesia boleh diperolehi di Malaysia, antaranya ialah penulisan Nurcholish Madjid, Budhy Munawar-Rachman, Azmuyardi Azra dan beberapa tokoh lain lagi. Dunia tanpa sempadan melalui internet juga memudahkan gerakan ini meluaskan pengaruh mereka melalui sosial media, laman sesawang dan email.

Selain daripada itu pertubuhan NGO juga memainkan peranan penting dalam penyebaran pluralisme agama ini. Sebagai contoh Pada tahun 2005 Yayasan Konrad Adenauer Stiftung menyertai Persidangan Kebangsaan "Towards the Formation of the Interfaith Commission of Malaysia" yang diadakan pada 24-25 Februari di Bangi. Manakala pada 2007, Konrad Adenauer Stiftung (Singapura) dengan kerjasama Malaysian Association for American Studies (MAAS) telah menerbitkan buku *Religious Pluralism in democratic societies: Challenges and prospects for Southeast Asia, Europe, and the United States in the new millennium* (2007). Buku ini sebenarnya merupakan koleksi kertas kerja yang dibentangkan di Seminar 'MAAS International conferences on religious pluralism in Democratic Societies' di Kuala Lumpur pada 20-21 Ogos 2002.

### Golongan Pluralisme Agama Di Malaysia

Menurut Ismail Mina Ahmad (2012), golongan pluralisme agama di Malaysia terbahagi kepada tiga, iaitu:

1. Kerajaan langit ayah Pin (ajaran Ariffin Muhammad)  
Menurut Marzuki (2009); Ismail Mina Ahmad (2012); Latifah Abdul majid et al. (2012), Ayah Pin telah mempromosikan satu ajaran yang mengajar semua agama adalah sama dan setiap orang berhak untuk mengamalkan agama dengan apa jua cara yang mereka sukai.

2. Fahaman *The Transcendent Unity of Religions* atau *Sophia Perennis*

Golongan ini menyatakan bahawa Tuhan berada di titik puncak, sementara semua agama mengalir ke bawah dari titik puncak tersebut. demikian juga dalam waktu yang sama, semua agama naik dari bawah ke atas, yang akhirnya akan bertemu di titik puncak tersebut.

3. Penganut mazhab John Hick

Golongan ini ialah mereka yang terpengaruh dengan pluralisme agama gagasan John Hick yang menganjurkan semua agama sama rata. Antara sarjana-sarjana yang terpengaruh dengan gagasan ini ialah Anwar Ibrahim (2010) dan Hashim Kamali (2011).

<sup>5</sup> Pada tahun 2006 agama Taoisme dimasukkan dan ditukar kepada MCCBCHST.

#### 4. *Islamic pluralism*

Menurut Ismail Mina Ahmad (2012) dan Khalif Muammar (2015), Pluralisme Islam (*Islamic Pluralism*) telah diperkenalkan oleh Osman Bakar. Menurut Khalif Muammar, Osman Bakar telah memperkenalkan konsep ini dalam karyanya iaitu *The Qur'an on Interfaith and Inter-civilization Dialogue: Interpreting a Divine Message for Twenty-first Century Humanity* (2006).

#### **Fatwa Berkenaan Pluralisme Agama**

Terdapat dua fatwa yang telah dikeluarkan di Malaysia berkenaan dengan pluralisme agama, iaitu:

##### 1. Fatwa yang berkaitan dengan liberalisme

Hasil daripada keputusan muzakarah ke 74 pada 2006, gerakan pemikiran liberalisme mengandungi fahaman-fahaman yang didapati menyeleweng dari aspek akidah dan syariah. Dari aspek akidah, fahaman liberal dikatakan berpegang kepada konsep pluralisme. Menurut keputusan fatwa lagi, konsep pluralisme yang menjadi pegangan kaum liberal adalah berkonsepkan kepada setiap agama mempunyai konsep, persepsi dan respon yang tersendiri terhadap Realiti Yang Agung (*ultimate reality*), Semua agama adalah sama tarafnya merujuk kepada Realiti Yang Agung.

##### 2. Fatwa pluralisme agama

Pada 31 Julai 2014, kerajaan negeri Selangor telah mewartakan fatwa pemikiran liberalisme dan pluralisme agama iaitu ([http://www.muftiselangor.gov.my/images/pdf/koleksi\\_fatwa/2014/Sel.p.u.28\\_fatwa\\_pemikiran\\_liberalisme\\_dan\\_pluralisme\\_agama.pdf](http://www.muftiselangor.gov.my/images/pdf/koleksi_fatwa/2014/Sel.p.u.28_fatwa_pemikiran_liberalisme_dan_pluralisme_agama.pdf)):

1. SIS forum (Malaysia) dan mana-mana individu, penubuhan atau institusi yang berpegang kepada fahaman liberalisme dan pluralisme agama adalah sesat dan menyeleweng daripada ajaran Islam.
2. Mana-mana bahan terbitan yang berunsur pemikiran-pemikiran fahaman liberalisme dan pluralisme agama hendaklah diharamkan dan boleh dirampas.
3. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) hendaklah menyekat laman-laman sosial yang bertentangan dengan ajaran Islam dan hukum syarak.
4. Mana-mana individu yang berpegang kepada fahaman liberal dan pluralisme agama hendaklah bertaubat dan kembali ke jalan Islam.

Fatwa dari kerajaan negeri Selangor menyebabkan SIS mengambil keputusan untuk memohon semakan kehakiman di Mahkamah Tinggi bagi mencabar keputusan tersebut. Walau bagaimanapun permohonan semakan tersebut ditolak kerana mahkamah sivil tidak mempunyai kuasa untuk membuat keputusan berhubung isu fatwa dan ianya tertakluk di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah. Perkara ini juga selaras dengan Perkara 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa Mahkamah Sivil tidak mempunyai bidang kuasa berhubung apa-apa perkara yang tertakluk di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah (Anon 2014).

Selain daripada SIS, Chandra Muzaffar (2014) juga tidak bersetuju dengan fatwa kerajaan negeri Selangor yang memfatwakan kumpulan SIS sebagai sesat. Menurut beliau, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) sepatutnya mengadakan dialog untuk berbincang, bukannya melabelkan mereka dengan sesat dan menyekat penulisan dan aktiviti-aktiviti SIS.

### **Isu-Isu Pluralisme Agama Di Malaysia**

Isu-isu pluralisme agama yang muncul di Malaysia antaranya ialah:

1. Perancangan penubuhan Suruhanjaya Antara Agama (Inter Faith Commission-IFC)

Perancangan penubuhan Suruhanjaya Antara Agama (IFC) bermula apabila Malaysian Consultative Council on Buddhism, Christianity, Hinduism and Sikhism (MCCBCHS) atau Majlis Perundingan Malaysia Agama Buddha, Kristian, Hindu dan Sikh melalui memorandum mereka kepada Majlis Peguam pada 21 Ogos 2001. Penubuhan IRC ini mendapat tentangan masyarakat Islam sehingga tertubuhnya Allied Coordinating Committee of Islamic NGOs (ACCIN)<sup>6</sup>. ACCIN melancarkan bantahan besar-besaran terhadap IFC. Menurut Mohd Roslan (2010), tuntutan IFC ini telah mendapat tentangan habis-habisan oleh NGO Islam dan ditolak cadangan penubuhannya oleh kerajaan.

2. Isu kebebasan beragama (*Religious Freedom*)

Merujuk kepada isu kebebasan beragama di Malaysia, terdapat beberapa perkara mengenainya iaitu mengenai penubuhan kumpulan Artikel 11, murtad, isu tuntutan COMANGO, pertikaian peruntukan perkara 121 (1A), kerajaan langit Ayah Pin dan kes pengikut kerajaan langit Ayah Pin iaitu Kamariah Ali. Kesemua isu ini berkait rapat mengenai tuntutan hak kebebasan beragama.

3. Kalimah Allah

Isu ini berkaitan dengan tuntutan penggunaan kalimah Allah oleh masyarakat bukan Islam. Isu ini mula menjadi kontroversi apabila akhbar mingguan Herald menuntut Kementerian Dalam Negeri (KDN) membenarkan penggunaan kalimah Allah dalam penerbitan akhbarnya. Isu tuntutan ini menjadi kebimbangan kepada umat Islam kerana dikhuatiri akan mengelirukan masyarakat Islam.

4. Perkongsian perayaan dan acara keagamaan

Isu berkongsi perayaan dan keagamaan berbangkit apabila muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan kali ke-68 pada 12 April 2005 telah mengeluarkan garis panduan orang Islam turut merayakan hari kebangsaan agama orang bukan Islam. Garis panduan tersebut dikeluarkan untuk digunapakai oleh masyarakat Islam terutamanya pemimpin-pemimpin Islam apabila menghadiri majlis perayaan dan keagamaan agar dapat membezakan upacara-upacara yang bertentangan dengan akidah Islam.

5. Isu pengharaman yoga.

Isu pengharaman yoga menjadi polemik apabila fatwa dikeluarkan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke 83 yang bersidang pada 22-24 Oktober 2008. Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan melarang masyarakat Islam mengamalkan yoga yang mempunyai unsur-unsur agama Hindu seperti amalan fizikal, unsur-unsur keagamaan, mantera dan pemujaan bagi tujuan tertentu seperti mendapatkan ketenangan dan kemuncaknya, penyatuan diri dengan

---

<sup>6</sup> Allied Coordinating Committee of Islamic NGOs (ACCIN) atau Gabungan Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan merupakan badan induk kepada NGO-NGO Islam di Malaysia. Ahli ACCIN antaranya ialah PERKIM, PUM, MUAFAKAT, ABIM, ISMA dan lain-lain. ([https:// accinmalaysia.wordpress.com/about](https://accinmalaysia.wordpress.com/about) (3 Februari 2018))



Tuhan atau tujuan-tujuan lain. Amalan ini tidak sesuai dan boleh merosakkan akidah seorang muslim. Disebabkan itu, masyarakat muslim dilarang untuk mengamalkannya.

Ini adalah antara isu-isu yang berbangkit daripada perkembangan pluralisme agama di Malaysia. Ada antara isu-isu ini masih berbangkit sehingga sekarang seperti isu tuntutan COMANGO. Menurut Mohd Azril (2017), Pertubuhan Islam bukan Kerajaan (NGI) dijangkakan akan berpeluang untuk mengemukakan Semakan Berkala Sejagat (*Universal Periodic Review* (UPR) pada Majlis Hak Asasi Manusia, Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB), Geneva apabila pusingan ketiga UPR berlangsung dan membabitkan Malaysia pada November 2018. Selain daripada NGI, COMANGO juga akan mengemukakan laporan mereka pada November 2018, laporan mereka telah dilancarkan pada Jun 2018 yang lalu.

### Kesimpulan

Perkembangan awal pluralisme agama di Malaysia banyak dipengaruhi oleh gerakan liberalisme Indonesia. Pengaruh liberalisme ini boleh dilihat dalam gerakan liberalisme di Malaysia walaupun tidak menggunakan perkataan liberal. MCCBCHS merupakan pelopor kepada gerakan liberalisme di Malaysia apabila slogan 'dialog antara agama' diperkenalkan. Daripada slogan ini, maka muncul fahaman pluralisme agama. Terdapat sarjana memahami pluralisme agama dalam erti dialog antara agama, kepelbagaian agama, tolenrasi antara agama, menerima kebenaran agama lain dan terdapat juga sarjana yang menolak pluralisme agama kerana bagi mereka pluralisme agama ialah satu fahaman yang bertentangan dengan akidah Islam. Penentangan ini berlaku kerana konsep pluralisme agama yang menganggap semua agama sama dan menyembah Tuhan yang sama.

Kemudian unsur-unsur pluralisme agama meresap masuk ke dalam pemikiran masyarakat apabila penulisan-penulisan mengenainya muncul dalam dunia penerbitan. Antaranya ialah *Fiqih Lintas Agama: Membangun masyarakat inklusif pluralis*. (2004), *Islam dan Pluralisme* (2006) dan lain-lain. Pertubuhan-pertubuhan NGO juga memainkan peranan yang besar dalam mempromosikan pluralisme agama di Malaysia seperti KAF, MIN, IKD, SIS, MCCBCHST dan lain-lain. Pertubuhan-pertubuhan ini juga memainkan peranan penting memerikan sokongan dalam isu-isu pluralisme agama, antaranya ialah isu penubuhan IFC, tuntutan COMANGO, murtad, hak kebebasan beragama dan lain-lain.

### Rujukan

- Ahmad Yumni Abu Bakar dan Mohd. Fairuz Jamaluddin. 2014. *Menjawab Islam liberal: Pendedahan agenda Jaringan Islam Liberal (JIL) dan Sisters in Islam (SIS)*. Selangor: Pts Islamika Sdn. Bhd
- Anis Malik Thoha. 2014. Wacana pluralisme agama di Indonesia. Dlm Mohd Farid Mohd Shahrani (pnyt). *Pluralisme agama: Satu penelitian Islami*. Hlm 117-151. Kuala Lumpur: Penerbit IKIM
- Anwar Ibrahim. 2010. <https://blogtraditionalislam.files.wordpress.com/2010/04/public-lecture-by-anwar-ibrahim-at-the-london-school-of-economics1.pdf> (22 Jun 2018)
- Chandra Muzaffar. 2006. What pluralism means to Islam. [Http://www.thestar.com.my/opinion/letters/2006/06/18/what-pluralism-means-to-islam](http://www.thestar.com.my/opinion/letters/2006/06/18/what-pluralism-means-to-islam)
- Faisal Tehrani. 2009. Lina Joy dalam Gubra?. Dlm. Riduan Mohamad Nor dan Ahmad Adnan Fadhil. *Siri serangan pemikiran: Islam liberal dan Pluralisme agama*. Hlm 93-109. Kuala Lumpur: Jundi Resources.
- Fatwa liberalisme dan pluralisme ([http://www.muftiselangor.gov.my/images/pdf/koleksi\\_fatwa/2014/Sel.p.u.28\\_fatwa\\_pemikiran\\_liberalisme\\_dan\\_pluralisme\\_agama.pdf](http://www.muftiselangor.gov.my/images/pdf/koleksi_fatwa/2014/Sel.p.u.28_fatwa_pemikiran_liberalisme_dan_pluralisme_agama.pdf) (21 April 2017).

- Ismail Mina Ahmad. 2012. Konsep pluralisme agama. Dlm. *Pluralisme agama: satu gerakan iblis memurtadkan Ummah*, hlm 3-59. Kuala Lumpur: Pertubuhan Muafakat Sejahtera Masyarakat Malaysia.
- Kamali, Hashim. 2011. [https://www.academia.edu/12074530/ Islam\\_s\\_Religious\\_Pluralism\\_in\\_Context](https://www.academia.edu/12074530/ Islam_s_Religious_Pluralism_in_Context) (29 July 2015)
- Khalif Muammar A. Harris. 2015. *Islam dan Pluralisme agama: Memperkukuh tawhid di zaman kekeliruan*. Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka.
- Latifah Abdul Majid, Mazlan Ibrahim, Muhd Najib Abd Kadir, Jaafary Awang, Fadlan Mohd Othman, Azalina Tatar dan Aizuddin Hakim Mohd Yusof. 2012. Ancaman inklusifisme agama terhadap akidah Islamiyyah. Dlm Mazlan Ibrahim, Latifah Abdul Majid, Fadlan Mohd Othman. *Islam liberal: Isu dan reaksi*. Hlm 17-34. Selangor: Bahagian Dakwah Jabatan Agama Islam Selangor.
- Marzuki Mohamad. 2009. Manifestasi Islam liberal di Malaysia: Dimensi politik dan undang-undang. Dlm. Abdul Karim Ali dan Mohd Roslan Mohd Nor (pngr.). *Islam liberal: Isu dan cabaran*. Hlm 157-176. Selangor: Persatuan Ulama Malaysia.
- Mohammad Ariffin Ismail. 2006. *Cabaran akidah: Pemikiran Islam Liberal*. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.
- Mohd Farid Mohd Sharif. 2012. *Maaf...Tuhan kita tidak sama: mengulas isu interaksi agama di Malaysia*. Kedah: Bitara Media.
- Mohd Roslan Mohd Nor. 2010. Aplikasi hukum Islam dalam tatanan masyarakat global di Malaysia dari aspek peradaban umat. *Jurnal kajian hukum dan sosial kemasyarakatan*. 1 (10):72-101. [eprints.um.edu.my/2677/1/JurnalAI-Risalah2010a.pdf](http://eprints.um.edu.my/2677/1/JurnalAI-Risalah2010a.pdf) (2 Julai 2016)
- Muhammad Rashidi Wahab. 2017. Pemikiran liberalisme dalam wacana agama dan ancamannya di Malaysia. Kerta kerja Wacana Pemikiran dan Peradaban Ummah ke-9. Anjuran MUAFAKAT, JAKIM, MAIWP. Putrajaya, 17 Januari.
- Muhammad Uthman el-Muhammady. 2012. Beberapa isu dalam pluralisme agama-Satu pengamatan ringkas. Dlm. *Pluralisme agama: satu gerakan iblis memurtadkan Ummah*, hlm 119-138. Kuala Lumpur: Pertubuhan Muafakat Sejahtera Masyarakat Malaysia.
- Mujahid Yusof Rawa. 2014. Islam dan Pluralisme. [Http://www.sinarharian.com.my/ karya/ pendapat/islam-dan-pluralisme-1.331115](http://www.sinarharian.com.my/karya/pendapat/islam-dan-pluralisme-1.331115) (5 Mei 2017).
- Siddiq Fadzil. 2016. *Pembinaan Bangsa: Kepelbagaian dalam bingkai kesatuan*. Selangor: Institut Darul Ehsan.
- Wan Adli Wan Ramli. 2012. *Bahaya liberalisme dan pluralisme agama terhadap akidah belia Muslim*. Johor Bharu: Sekretariat menangani isu-siu akidah dan Syariah Majlis Agama Islam Negeri Johor.